



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 39/2017 dari 24 hingga 30 September 2017)

Pada Minggu Epid 39/2017 iaitu dari 24 hingga 30 September 2017, sebanyak 1,193 kes Demam Denggi telah dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 143 kes (13.6%) berbanding 1,050 kes pada minggu sebelumnya. Jumlah keseluruhan kes Demam Denggi yang direkodkan sehingga 30 September 2017 adalah 70,447 kes berbanding 83,224 kes bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 12,777 kes (15.4%).

Terdapat tiga (3) kes kematian dilaporkan yang menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi sehingga 30 September 2017 adalah sebanyak 159 kematian berbanding 186 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 27 kematian (14.5%).

Sebanyak 364 lokaliti wabak Demam Denggi yang masih aktif dilaporkan pada Minggu Epid 39/2017. Selain itu, terdapat 44 lokaliti hotspot semasa yang melibatkan 5 buah negeri iaitu di Selangor 31 lokaliti, Johor 7 lokaliti, Sabah 3 lokaliti, WPKL & Putrajaya 2 lokaliti dan Negeri Sembilan 1 lokaliti.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima satu (1) kes Chikungunya yang dilaporkan iaitu dari Daerah Kota Bharu, Kelantan. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 30 September 2017 adalah 260 kes iaitu 190 kes dari Kedah, 33 kes dari

Selangor, 24 kes dari Johor, sepuluh kes dari Kelantan, dua (2) kes dari Perak dan satu (1) kes dari Sarawak.

Pemantauan sistem surveilan virus Zika sehingga Minggu Epid 39/2017 pula oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) ke atas 1,508 sampel darah dan 31 sample air kencing di kalangan pesakityang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah semuanya didapati negatif.

Sekiranya kes mingguan dapat dikurangkan dan tidak melebihi 1,500 kes seminggu, jumlah keseluruhan tahun ini akan dapat dikurangkan di bawah 90,000 kes setahun. KKM ingin mengingatkan pihak masyarakat untuk membersihkan kawasan persekitaran rumah masing-masing setiap minggu agar bebas daripada pembiakan Aedes yang bukan sahaja vektor bagi penyakit Demam Denggi tetapi juga Zika dan Chikungunya. Apabila beriadah bersama keluarga, pastikan amalan perlindungan diri daripada gigitan nyamuk dipraktikkan seperti menggunakan repelen dan memakai baju cerah yang menutup anggota. Marilah kita bersama-sama melindungi diri dan keluarga kita dari ancaman Demam Denggi, Zika dan juga Chikungunya. **Tiada Aedes, Tiada Denggi Chikungunya dan Zika.**

bp 

DATUK DR SHAHNAZ MURAD
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia
No. MMC 26324

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

9 Oktober 2017

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 39/2017
(24 hingga 30 September 2017)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 39/2017		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 39/2016	
		Minggu 39 (24– 30 Sept 2017)		Minggu 38 (17– 23 Sept 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	2	0	4	0	162	0	139	1
2	Kedah	19	0	17	0	1,241	4	760	2
3	P. Pinang	45	0	39	0	1,922	13	2,194	12
4	Perak	45	1	36	0	4,838	11	2,910	9
5	Selangor	613	0	527	2	38,420	59	43,262	65
6	WP KL & Putrajaya	108	0	87	0	7,156	19	6,953	16
7	N. Sembilan	30	0	39	0	2,744	11	2,181	21
8	Melaka	43	0	26	0	1,166	1	1,865	6
9	Johor	129	0	138	1	6,348	23	9,348	17
10	Pahang	25	2	27	0	1,376	5	2,121	7
11	Terengganu	8	0	4	0	247	1	1,813	15
12	Kelantan	30	0	31	0	2,267	2	4,634	8
13	Sarawak	10	0	13	0	774	4	2,163	6
14	Sabah	84	0	60	0	1,719	6	2,872	1
15	WP Labuan	2	0	2	0	67	0	9	0
	MALAYSIA	1,193	3	1,050	3	70,447	159	83,224	186

* Sumber : BilikGerakanDenggiKebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 39/2017
(24 hingga 30 September 2017)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	111	137
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 (Pangsapuri Seroja)	40	131
3	SELANGOR	Petaling	Usj 6/2	24	94
4	JOHOR	Johor Bharu	Flat Peringkat 3, Perjiranan 8	21	82
5	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Intana Ria Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	21	81
6	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4,5,12,14&16 Taman Sri Jelok	17	80
7	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7/5 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	41	68
8	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 6 Kompleks Kediaman Kastam	17	64
9	SELANGOR	Petaling	Tmn Puncak Jalil 3 (Jln Puj 3/1 - 3/13)	11	60
10	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Kajang Perdana	11	58
11	SELANGOR	Petaling	Seksyen 6 (Uitm : Kolej Cendana Blok 1, 2)	20	53
12	SABAH	Tuaran	Taman Sri Rugading	33	52
13	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psrn Perdana (One South)	23	52

14	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 (Kondo Sri Mahligai & Town House Sri Mahligai)	12	50
15	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Surada	19	50
16	JOHOR	Johor Bharu	Ciq Gelang Patah	16	50
17	SELANGOR	Petaling	Seksyen 16 (Kaw Perindustrian A : Jln 16/1 - 16/8 & Persiaran Kemajuan)	9	48
18	SELANGOR	Petaling	Seksyen U20 (Fasa 1b Bbsb : Jln 1b/1 - 1d/5)	13	48
19	JOHOR	Johor Bharu	Flat Peringkat 2, Perjiranan 9	12	48
20	SELANGOR	Gombak	Tmn Ukay Perdana Fasa 3	7	46
21	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Taming Indah	6	46
22	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Kajang Sentral	5	45
23	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Scientex_Jln Camar	17	45
24	SELANGOR	Hulu Langat	Kampung Baru Sungai Chua	7	41
25	SELANGOR	Klang	Jln Yadi (Lot 1085)	12	41
26	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Jln 18/8-18/28 & Flat)	10	41
27	SELANGOR	Gombak	Tmn Gombak Setia	15	41
28	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres K : Jln 7/70 - 7/89)	6	40
29	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Indah 23-35 Taman Cheras Indah	7	38
30	SELANGOR	Gombak	Kg Tengah	17	37
31	SELANGOR	Gombak	Kg Melayu Bt 16 Rawang	14	37

32	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Permai	16	36
33	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Dato Chellam	5	36
34	JOHOR	Johor Bharu	Rumah Kongsu Forest City	17	35
35	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Scientex_Jln Kijang	7	35
36	SABAH	Tuaran	Taman Telipok Ria	6	35
37	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 (Kuarters lpk Selangor&Kuarters Jkr)	7	34
38	SABAH	Putatan	Kg. Sekambu	6	34
39	SELANGOR	Klang	Jln Meru (Lot 5068 Bt 4)	23	33
40	WPKL	Cheras	Flat Sri Penara	6	33
41	WPKL	Cheras	Ppr Desa Tun Razak	9	33
42	SELANGOR	Petaling	Seksyen 21 (Kaw Perindustrian)	4	33
43	SELANGOR	Kuala Langat	Kg Batu Laut	5	32
44	N SEMBILAN	Seremban	Putra Point Nilai	11	32